

# KESAN COVID-19 TERHADAP KEBOLEHPASARAN GRADUAN IPT: PELAN TINDAKAN KEPADA PELAJAR FAKULTI PENGAJIAN QURAN & SUNNAH, USIM

Ahmad Kamel Mohamed<sup>i</sup>, Abdulloh Salaeh<sup>ii</sup>, Amran Abdul Halim<sup>iii</sup> & Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar<sup>iv</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran Sunnah, USIM. kamel@usim.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran Sunnah, USIM. abdulloh@usim.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran Sunnah, USIM. amranabdulhalim@usim.edu.my

<sup>iv</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran Sunnah, USIM. tarmizi@usim.edu.my

## Abstrak

COVID-19 yang melanda dunia pada awal tahun 2020 telah memberi kesan yang besar terhadap kehidupan sosial dan ekonomi di seluruh dunia. Banyak aktiviti sosialekonomi terganggu secara global seperti penangguhan dan pembatalan aktiviti kebudayaan, keagamaan, pelancongan, sukan dan lain-lain acara yang melibatkan terencatnya rantaian ekonomi membawa kepada berlakunya penutupan syarikat dan penggantungan aktiviti kerja disebabkan pandemik ini yang mana ianya menyebabkan kadar pengangguran meningkat dengan drastik dan peluang pekerjaan juga semakin sempit. Kertas kerja ini membincangkan tentang isu kesan COVID-19 terhadap kebolehpasaran graduan IPT khususnya graduan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. Objektif utama kajian adalah untuk mengenalpasti pelan tindakan yang perlu dilakukan oleh pihak Fakulti dan Universiti dalam usaha membantu graduan memperolehi pekerjaan terutamanya di era pandemik COVID-19 yang belum pasti bila ianya akan berakhir. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan membuat penilaian kepada program yang dianjurkan sebelum ini oleh pihak Universiti yang berjaya meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan untuk tahun 2019 dan melihat program-program lain di luar sana yang berpotensi untuk memberi nilai tambah kepada graduan Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah. Kertas kerja ini mengemukakan pelan tindakan yang perlu dilakukan pihak fakulti dan universiti dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.

*Kata kunci: COVID-19, graduan FPQS, kebolehpasaran, norma baru, industri*

## PENDAHULUAN

Pandemik COVID-19, juga dikenali sebagai pandemik koronavirus ialah pandemik penyakit koronavirus 2019 yang berterusan secara global berpunca daripada koronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2). Isu serangan virus Covid-19 telah menimbulkan kebimbangan dan kekalutan seluruh penduduk dunia. Medium sosial

menjadi platform utama seluruh penduduk dunia meluahkan kekalutan dan kebimbangan mereka terhadap virus ini yang masih belum mempunyai ubatnya. (Shahremy,2020:1) Virus ini memberi begitu banyak pengaruh dalam berbagai sektor. Salah satu sektor yang terdampak dan begitu terasa adalah sektor ekonomi (Chairul Iksan,2020:90). Ianya telah memberi kesan yang amat besar terhadap ekonomi dunia. Seluruh dunia terjejas teruk dari segi kehidupan sosial dan ekonomi seolah-olah dunia telah di'*reset*' semula. Pandemik ini telah membawa kepada gangguan sosioekonomi global, penangguhan dan pembatalan acara kebudayaan, keagamaan dan kesukanan, dan ketakutan yang meluas dengan kekurangan bekalan yang telah mendorong pembelian panik di awal kejadian.

Wabak ini pada awalnya dikesan pada pertengahan Disember 2019 di bandaraya Wuhan, Hubei, China, dan telah diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 12 Mac 2020. (Junaidi Kasdan,2020: 223) Sehingga 30 September 2020, hampir 34 juta kes COVID-19 telah dilaporkan di lebih daripada 188 negara dan wilayah, mengakibatkan lebih sejuta kes kematian, manakala 25 juta orang telahpun pulih. Setelah hampir 10 bulan berlakunya pandemik ini, belum ada lagi tanda-tanda bila ianya akan berakhir. Kes jangkitan dan kematian di seluruh dunia terus meningkat, manakala vaksin untuk merawat dan menghalang virus ini belum lagi ditemui walaupun ada sesetengah negara mendakwa sudah menemui penawarnya.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Penularan wabak COVID-19 ini memberi kesan secara langsung kepada ekosistem ekonomi di seluruh dunia dan turut menjejaskan ekonomi Malaysia seperti sektor industri makanan dan minuman, industri pembinaan dan pembuatan, industri pelancongan, serta industri pertanian, pembinaan dan perkhidmatan. Ianya terjadi disebabkan sekatan perjalanan yang terpaksa dilakukan oleh pihak berkuasa untuk menghalang penularan virus ini membawa kepada penutupan operasi sebahagian besar sektor penting ekonomi seperti perindustrian, penerbangan, pelancongan dan sektor perkhidmatan. Dengan penutupan operasi di pelbagai sektor disebabkan sekatan perjalanan yang dikenakan telah mengakibatkan ramai kehilangan pekerjaan samaada diarah untuk bercuti ataupun diberhentikan. Dalam sektor perindustrian petroleum yang sebelum ini menjadi sumber terbesar ekonomi dunia pun turut terjejas teruk disebabkan kurangnya permintaan dunia terhadap minyak yang membawa kepada kejatuhan teruk harga minyak seluruh dunia.

Secara umumnya, industri kehilangan sumber pendapatan dan menanggung kos yang amat tinggi untuk mengekalkan operasi. Antara jalan yang diambil oleh pihak industri untuk mengurangkan kos ini adalah dengan mengurangkan bilangan pekerja ataupun menutup terus operasi syarikat sehingga berlakunya pemberhentian pekerja secara besar-besaran di sesetengah industri. Pandemik ini mencetuskan krisis ekonomi yang amat teruk sekali secara berterusan di kebanyakan negara dunia yang akan mengambil masa yang panjang untuk pulih sepenuhnya.

## ISU DAN CABARAN TERHADAP GRADUAN

Pandemik yang berlaku ini sudah pastinya memberi kesan besar kepada bakal graduan yang akan bergraduasi tahun 2020. Bakal graduan bukan sahaja perlu bersaing dengan rakan-rakan yang ada bahkan terpaksa bersaing dengan mereka yang diberhentikan akibat pandemik ini. Kesan daripada COVID-19 ini juga merubah landskap pekerjaan secara global. Kebanyakan pengurusan industri dan syarikat juga mula beralih kepada komunikasi dalam talian bermula dari aspek pengurusan dan pentadbiran hingga kepada urusan perniagaan. Kebanyakannya berpindah kepada transaksi dalam talian yang menjadi “*trendy*” saat ini. Banyak aplikasi dan perisian terkini telah dicipta untuk memudahkan orang ramai berurusan tanpa perlu banyak pergerakan fizikal. Semuanya hanya memerlukan hujung jari untuk berinteraksi dalam talian melalui gajet-gajet yang bersaing dalam memberi kemudahan kepada pengguna.

Oleh yang demikian para graduan tidak dapat lari dari perkembangan ini di mana mereka perlu memahirkan diri dalam penggunaan aplikasi dan perisian yang membantu menjalankan tugas-tugas harian. Kalau sebelum ini kemahiran seperti komunikasi, pembentukan shakhsiah diri amat diperlukan dalam proses mendapatkan pekerjaan, tapi sekarang mereka perlu menambah aspek kemahiran digital dalam menempuh cabaran masa kini. Dalam suasana yang terhad dari segi kekosongan jawatan di kebanyakan sektor termasuk sektor awam, graduan juga perlu meningkatkan pengetahuan dalam aspek perniagaan dan keusahawanan. Graduan perlu meneropong peluang-peluang yang ada dalam bidang perniagaan terutama yang melibatkan dalam talian. Mereka perlu mengikuti kursus atau bengkel yang dianjurkan oleh pihak universiti mahupun pihak luar yang berkait dengan *E-Commerce* dan perniagaan atas talian.

Menurut Menteri Pengajian Tinggi Datuk Dr Noraini Ahmad, lebih 75,000 bakal graduan dijangka terkesan daripada kemelesetan ekonomi global akibat pandemik COVID-19. Beliau berkata jangkaan dikukuhkan lagi dengan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, menunjukkan kadar pengangguran negara ini mengalami peningkatan mendadak daripada 3.3 peratus pada Februari kepada 3.9 peratus pada Mac lalu (Berita Harian, 7 Julai 2020). Beliau menyarankan pihak pengurusan institusi pengajian tinggi untuk meningkatkan agenda keusahawanan dengan diperkasa dan diberi pengisian baharu bagi melahirkan graduan memiliki ketahanan minda untuk mengharungi dunia kerjaya yang semakin mencabar. Justeru itu, pihak pengendali universiti perlu memikirkan penyelesaian masalah ini antaranya dengan menyemak semula kurikulum dan program akademik masing-masing supaya dimensi keusahawanan dapat di arus perdanakan.

Berdasarkan kenyataan YB Menteri KPT dapat dibayangkan jangkaan pengangguran graduan akan sangat meruncing di pasca COVID-19. Selagi vaksin tidak ditemui dan peningkatan kes-kes di luar negeri yang sebahagian besarnya semakin serius, keadaan ekonomi lokal dan global dan penawaran pekerjaan pasti terus merudum. Keadaan ini sangat memberi kesan kepada bakal graduan bagi tahun 2020. Kadar persaingan untuk memperoleh pekerjaan adalah sangat tinggi. Bakal graduan perlu bersaing untuk memenuhi keperluan pasaran pekerjaan. Graduan yang mempunyai kemahiran dan kompetensi, mempunyai suatu kelebihan dalam kebolehpasaran pekerjaan. Ia membolehkan majikan membuat pilihan dalam mendepani cabaran ketidakpastian ekonomi semasa

Jelasnya, bakal graduan perlu bersedia untuk menghadapi cabaran ini dan menggunakan kreativiti bagi menjalankan perniagaan. Bagi mereka yang telah bergraduan dan belum memperolehi pekerjaan, mereka perlu berusaha untuk mengadaptasi situasi semasa dengan mengenal pasti kemahiran-kemahiran baharu yang diperlukan oleh industri. Mereka perlu mencari peluang untuk meningkatkan kemahiran supaya relevan dengan keperluan semasa.

Para graduan perlu menonjolkan keunikan kepakaran bidang mereka sebagai nilai tambah untuk dipilih sebagai pekerja. Di samping itu, para graduan perlu mengambil peluang untuk memperkayakan pengetahuan dengan sumber-sumber terbuka menerusi

program latihan dalam talian. Mereka boleh memperolehi sijil-sijil kemahiran melalui pembelajaran dalam talian yang ditawarkan oleh organisasi dalam dan luar negara.

Kalau sebelum ini kajian lepas yang menekankan graduan perlu menguasai bahasa Inggeris, kemahiran komunikasi, keyakinan diri dan berbagai kemahiran yang lain untuk menempatkan diri di alam kerjaya akan tetapi dalam persekitaran ekonomi dunia yang merudum ini dengan keterbatasan peluang pekerjaan, maka perlunya tambahan solusi yang lain bersesuaian dengan situasi semasa.

## **CABARAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH**

Pengajian Quran dan Sunnah ialah bidang teras pengajian Islam yang merupakan satu bentuk pengajian tradisional yang memfokuskan kepada ilmu-ilmu tradisi Islam. Kehadiran graduan bidang pengajian Quran dan Sunnah mampu membela kesucian ajaran Islam dalam kehidupan masyarakat. Mereka mampu memberi khidmat di dalam sektor kerajaan mahupun swasta dalam menjadi pakar rujuk yang berkaitan hal ehwal agama. Begitu juga mereka diperlukan dalam bidang pendidikan untuk membentuk masyarakat dan anak bangsa.

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) salah satu daripada tiga fakulti awal USIM yang ditubuh dan mula operasi pada tahun 2000. Lebih 4 ribu graduan telah terhasil dari FPQS yang terdiri daripada 4 program pengajian iaitu Program Pengajian Quran dan Sunnah, Program Quran dengan Multimedia, Program Sunnah dengan Pengurusan Maklumat dan Program Pengajian Qiraat. FPQS merupakan fakulti terbesar di USIM dari segi jumlah pelajar. Setiap tahun lebih 400 ke 500 orang graduan dari FPQS yang keluar ke alam kerjaya.

Pada tahun 2019, USIM telah menduduki antara kedudukan yang terbaik di kalangan Universiti Awam (UA) dari aspek kebolehpasaran graduan iaitu 93% berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu 2018 sebanyak 72%. Ianya merupakan satu lonjakan yang besar yang sudah pastinya mencabar untuk dipertahankan terutama di era pasca COVID-19 ini. Data telah menunjukkan bahawa isu pengangguran dalam

negara telah menunjukkan kenaikan daripada 3.3% pada 2019 kepada 5.3% pada Mei 2020. Cuma ianya pulih sedikit pada bulan berikutnya apabila lebih banyak pembukaan semula sektor ekonomi susulan pelaksanaan fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan(PKPP), menyaksikan kadar pengangguran bulan Jun 2020 turun kepada 4.9% berbanding kadar tertinggi sebelum tu 5.3%(Berita Harian, 4 september 2020). Walau bagaimanapun dalam keadaan ekonomi yang masih belum menentu terutama di peringkat global dengan kebanyakan negara masih diselubungi pandemik COVID-19 yang sangat menjejaskan ekonomi dunia perkara ini tidak boleh dipandang remeh. Kebimbangan ini telah diperdebatkan oleh pelbagai pihak terutamanya pihak kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi, dengan mengadakan beberapa siri bengkel dan seminar dalam mencari solusi dan mengeluarkan resolusi untuk mengurangkan impak yang berlaku terutama dalam aspek kebolehpasaran graduan di negara kita di era COVID-19.

Bagi graduan FPQS tidak dapat lari dari tempias global ini. Kalau pada tahun 2018 kebolehpasaran graduan FPQS pada tahap 72.8. Manakala tahun 2019 melonjak kepada 94.05. Kenaikan yang tinggi ini merupakan satu cabaran yang besar pihak Fakulti bagi mempertahankan tahap kebolehpasaran graduan untuk tahun 2020. Dalam keadaan serba kekurangan yang berlaku akibat pandemik bila mana negara masih di fasa PKPP yang sedikit sebanyak membatasi pihak Fakulti mahupun Universiti untuk menganjurkan kursus dan bengkel kepada bakal graduan secara bersemuka walaupun ada pilihan ianya diadakan secara atas talian, akan tetapi ianya sudah pasti tidak sama dari segi penerimaan pelajar dan keberkesanannya sebagaimana yang dilakukan sebelum ini.

Sama seperti bidang-bidang lain, graduan FPQS juga mengalami keterbatasan dalam mengisi peluang-peluang pekerjaan. Berdasarkan kaji selidik yang dibuat sebelum ini, lebih 80-90% graduan FPQS terlibat dalam bidang pendidikan sesuai dengan bidang pengajian Islam yang menjurus kepada pembentukan ummah dan penyelesaian isu-isu dalam masyarakat seperti dinyatakan dalam MISI Fakulti. Peluang yang besar dari segi kerjaya pendidikan kepada graduan Pengajian Islam amnya dan pengajian Quran dan Sunnah khasnya adalah semasa program J-QAF dilaksanakan di semua sekolah rendah kerajaan. Idea pelaksanaan program J-QAF dilontarkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia yang kelima iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi yang telah dinyatakan secara khusus semasa lawatannya ke Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada 30 Disember 2003. Cetusan idea ini telah diperhalusi di peringkat Kementerian Pelajaran melalui satu

seminar j-QAF pada 3 hingga 5 Mac 2004. Program ini telah dijalankan secara uji kaji dalam projek rintis selama tiga bulan dan berakhir pada bulan Julai 2004. Perdana Menteri ketika itu telah bersetuju program ini dilaksanakan mulai tahun 2005.<sup>1</sup> Justeru, KPM telah menggubal dan merancang model dan modul program j-QAF, setelah meneliti dan menambah baik beberapa aspek hasil projek rintis.<sup>236</sup> Antara objektifnya adalah untuk memperkasa sistem pengajaran pendidikan Islam di sekolah. Walaubagaimanapun program J-QAF yang memerlukan ramai graduan lepasan pengajian Islam telah dibekukan sehingga sekarang. Peluang yang besar tidak lagi dinikmati oleh graduan pengajian Islam apabila jawatan yang ditawarkan dalam bidang Pendidikan Islam menjadi semakin terbatas.

Memandangkan peluang yang amat terhad bagi mereka sekarang ini dalam merebut jawatan di bidang pendidikan sekolah seperti guru interim yang menjadi rebutan para graduan Pengajian Islam dari semua institusi pengajian dalam negeri dan luar negara juga dari Universiti Awam mahupun swasta, begitu juga keterbatasan jawatan di agensi-agensi kerajaan seperti di Jabatan Agama Islam negeri mahupun persekutuan, para graduan perlu mencari alternatif lain dalam membina kerjaya mereka. Dalam berhadapan situasi ini, pihak Fakulti perlu memikir dan merancang program-program yang bersesuaian dengan kerjasama dari pihak USIM melalui Pusat Alumni dan Kerjaya. Keadaan ekonomi yang merudum sekarang tidak akan lagi menyokong penawaran pekerjaan kepada puluhan malahan ratusan ribu graduan termasuk graduan pengajian Islam seperti Pengajian Quran dan Sunnah.

## **PELAN TINDAKAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH**

Universiti Sains Islam Malaysia melalui Pusat Alumni dan Kerjaya dan juga Fakulti perlu memikir dan merancang dalam berhadapan dengan situasi ini. Program pembangunan pelajar yang dilakukan sebelum ini perlu dilihat kembali. Dalam suasana ekonomi yang masih belum pulih, tidak lagi menyokong penawaran pekerjaan kepada puluhan atau ratusan ribu graduan. Pihak Universiti perlu mengubah cara membantu kerjaya pelajar bukan hanya soal kemahiran insaniah, softskills atau kemahiran diri. Program pelajar di universiti tidak lagi boleh diteruskan dengan kelaziman lama. Mesti segera melakukan kelaziman baru. Semuanya perlu NORMA BARU. Sekiranya masih diteruskan kelaziman lama dalam usaha meningkatkan kemahiran pelajar dan kebolehpasaran

---

<sup>236</sup> JAPIM (2004), *Buku Panduan Dasar Perlaksanaan dan Pengurusan Kurikulum j-QAF*. Kuala Lumpur: KPM, h. 1.

graduan, alamatnya pengangguran akan terus dihadapi oleh kebanyakan graduan yang baru tamat pengajian. Seawal tahun satu lagi pelajar perlu didedahkan dengan halatuju kerjaya yang jelas agar mereka mampu merancang pembentukan diri mereka ke arah kerja yang sesuai dengan jiwa dan bidang pengajian mereka dengan peluang yang ada di hadapan mereka. Antara tindakan yang penting mungkin perlu dilakukan adalah seperti berikut:

1. Memfokuskan kepada perubahan dari pembangunan diri untuk mencari pekerjaan kepada agenda pembangunan usahawan dengan bekerja sendiri dan mencipta pekerjaan. Ianya bertepatan dengan tujuan strategik USIM yang ketiga iaitu:

**Melahirkan graduan yang seimbang, holistik dan berkeusahawanan  
berpandukan Model GIINA**

Terdapat ramai di kalangan graduan sudahpun menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan melalui pelbagai saluran terutamanya perniagaan yang berasaskan “atas talian”. Ada di kalangan mereka yang mempunyai startup company, menjadi pengasas atau *Founder* dengan jenama sendiri. Ramai juga yang menjadi agen-agen produk ataupun sebagai dropship. Kebanyakan mereka menggunakan platform media sosial seperti facebook dan instagram untuk memasarkan produk mereka. Walaupun tanpa pengalaman dan modal, mereka mampu melangsung kehidupan mereka melalui perniagaan-perniagaan sebegini. Potensi dan peluang seperti inilah yang perlu didedahkan kepada mahasiswa tanpa mengira bidang yang mereka ambil sewaktu di universiti. Program di peringkat Universiti perlu tukar kepada inovasi, kreativiti keusahawanan, idea perniagaan, kemahiran berurusanniaga, penyediaan proposal perniagaan, kemahiran promosi perniagaan, kemahiran mendapatkan geran perniagaan, harta intelek, kemahiran melakukan pemasaran dan tahu menubuhkan syarikat.

Pusat Keusahawanan Universiti perlu gandakan usaha dan mulakan agenda “**satu siswa, satu syarikat**”. Graduan bukan sahaja ada ijazah tapi juga ada syarikat sendiri. Pelajar perlu dimaklumkan akan kepentingan mereka mempunyai hala tuju kerjaya dalam ruang keusahawanan bermula seawal tahun satu lagi. Ini telahpun diusahakan oleh pihak Universiti khususnya melalui Pusat Keusahawanan Universiti (PKU), cuma ia perlu dipertingkatkan lagi dan lebih

menyeluruh kepada semua pelajar. Kursus keusahawanan telah menjadi kursus wajib Universiti yang memberi peluang kepada mereka mendapat pendedahan awal ke arah keusahawanan yang lebih luas serta perlu kepada penekanan yang lebih di era NORMA BARU ini. Di masa akan datang semua program dan aktiviti pembangunan pelajar perlu memberi fokus kepada agenda inovasi keusahawanan dan kemahiran perniagaan mahasiswa.

2. **Program bengkel dan kursus.** Sebelum ini Pusat Alumni & Kerjaya telah menganjurkan beberapa siri kursus dan bengkel yang berkaitan dengan bidang pengajian Islam seperti kursus Quran Home Tutor, Pengurusan Institusi Islam dan lain-lain. Ianya telah berjaya mengembangkan tahap kemahiran graduan dan pengetahuan mereka seterusnya mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan. Cuma isunya tidak semua pelajar yang berpeluang menyertai bengkel seperti ini disebabkan kapasiti dan bajet yang terhad. Ianya perlu ditingkatkan lagi dan dibuka secara lebih meluas terutama yang menjurus kepada bidang pengajian Islam dengan penerapan unsur-unsur keusahawanan.

Pihak kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menyediakan dana berjumlah jutaan ringgit untuk disalurkan khusus kepada universiti-universiti awam yang rendah nisbah kebolehpasaran graduan mereka termasuk USIM dalam usaha membantu mahasiswa untuk lebih kompetatif. Hasil dari kursus dan bengkel yang dianjurkan oleh Pusat Alumni dan Kerjaya itu telah memberi impak yang besar kepada mahasiswa termasuklah penganjuran Hari Kerjaya pada 5-6 November 2019 yang lepas dan telah meningkatkan peratusan kebolehpasaran graduan USIM daripada 72% pada tahun 2018 kepada 93% pada tahun 2019.

Bagi tahun 2020 sudah pastinya akan menghadapi cabaran yang lebih besar dengan penularan wabak COVID-19 yang merebak seluruh dunia sehingga menyebabkan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan telah memberi kesan kepada peluang pekerjaan serta kebolehpasaran graduan institusi pengajian tinggi dalam negara. Pihak kerajaan melalui KPT telah mengambil langkah yang proaktif melalui inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) untuk mengadakan program upskilling dan reskilling. Program ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menangani isu kebolehpasaran

graduan yang akan bergraduat pada tahun 2020 termasuk juga graduan 2019 yang belum mendapat pekerjaan. Sebanyak RM 100 juta diperuntukkan khas kepada KPT bagi melaksanakan program ini bagi disalurkan ke seluruh institusi pengajian tinggi dalam negara. Pihak universiti perlu mengemukakan kertas cadangan program yang nak dianjurkan di bawah geran PENJANA ini.

Bagi pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, sebagaimana yang disebut sebelum ini, terdapat beberapa kursus yang telah dianjurkan dan perlu terus dianjurkan, bersesuaian dengan bidang mereka untuk memperolehi nilai tambah, malahan membuka ruang kerjaya kepada mereka. Antara kursus-kursus tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kursus Eksekutif Pengurusan Institusi Islam.
- ii. Kursus Pengajaran & Pengurusan Institusi Tahfiz/Agama
- iii. Kursus Quranic Home-Based Tutor yang dianjurkan oleh Azdan Quranic Centre
- iv. Kursus Asas Perguruan Al Quran (SAPQ-i) yang dianjurkan oleh Akademi al-Baghdadi.
- v. Kursus Latihan Tenaga Pengajar (LTP) Al-Quran Kaedah ABAHATA yang dianjurkan oleh Institut Pengajian Al-Quran (IPAQ).

Kursus-kursus sebegini amat sesuai untuk graduan pengajian Quran dan Sunnah kerana ia berkait rapat dengan bidang mereka serta mereka mampu mencipta kerjaya melalui kursus ini disamping memberi khidmat kepada masyarakat dalam bidang al-Quran.

3. **Pemilihan tempat latihan industri yang sesuai.** Latihan industri merupakan program wajib bagi setiap pelajar FPQS di semester akhir. Tujuannya adalah untuk memberi pendedahan tentang bidang kerjaya dan persekitaran kerja, mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi disamping mewujudkan kerjasama antara USIM dan industri atau institusi luar. Tempoh yang perlu disempurnakan oleh pelajar ialah selama satu semesta iaitu 14 minggu.<sup>237</sup> Pemilihan tempat latihan industri tertakluk kepada pilihan pelajar sendiri dengan

---

<sup>237</sup> *Panduan Pengajian Ijazah Sarjana Muda FPQS*, 103

perakuan dari pihak Fakulti. Untuk program Latihan Industri di masa akan datang pelajar mesti mendapatkan tempat Latihan Industri mereka di institusi yang boleh memberi jaminan kerjaya kepada mereka ataupun paling kurang memberi impak besar kepada nilai tambah pelajar. Pihak Fakulti perlu berusaha mambantu dalam membina jaringan hubungan dengan pelbagai institusi dan industri yang boleh menawarkan tempat kepada pelajar. Ianya akan memberi jaminan dan lebih keyakinan kepada industri ataupun institusi untuk menerima pelajar-pelajar ini.

Institusi-institusi pendidikan swasta seperti Azdan Quranic Centre, Akademi Al-Baghdadi dan Institut Pengajian Al-Quran sebagai contoh adalah institusi yang sesuai bagi graduan Pengajian Quran dan Sunnah untuk belajar selok belok pengurusan apabila mereka diberi peluang untuk menjalankan program Latihan Industri mereka di situ. Demikian juga dalam industri pelancongan seperti di syarikat Travel Agency yang melibatkan Haji dan Umrah. Pelajar yang berpeluang untuk menjalankan Latihan Industri di situ mampu untuk belajar selok belok pengurusan industri pelancongan dan boleh bekerja sebagai mutawwif Haji dan Umrah.

## **KESIMPULAN**

Covid 19 sebenarnya telah mengubah banyak perkara dalam kehidupan kita. Bukan setakat mengamalkan norma baharu dengan memakai pelitup muka, tidak bersalaman atau melakukan penjarakan fizikal semata-mata. Covid 19 telah mengubah cara graduan kita melihat masa depan mereka. Tahun 2020 dan seterusnya bukan lagi seperti tahun-tahun yang lalu. Tahun-tahun mendatang adalah masa yang menuntut mahasiswa merancang dan melakukan banyak kelaziman baharu, jika mereka tidak mahu ketinggalan. Bagi pihak institusi yang menawarkan pendidikan pula perlu melihat ke hadapan hala tuju pelajar dalam menyediakan kandungan program yang selari dengan situasi semasa disamping menukar corak pemikiran pelajar agar lebih dinamik, inovatif dan pragmatik, mempunyai daya fikir yang kreatif serta bersifat proaktif. Walau apapun cabaran yang dihadapi di era pandemik COVID-19, pihak Fakulti tetap akan berusaha untuk mengekal dan meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan FPQS dengan pelan tindakan yang dirangka.

## RUJUKAN

Chairul Iksan Burhanuddin & Muhammad Nur Abdi. 2020. *Ancaman Krisis Ekonomi Global Dari Dampak Penyebaran Virus Corona (COVID-19)*. AKMEN, e-jurnal stienobel, Indonesia. Volume 17 Nomor 1 Maret 2020 e-ISSN : 2621-4377 & p-ISSN:1829-8524(90-98).<https://e-jurnal.stienobel-indonesia.ac.id/index.php/akmen>

Junaidi Kasdan, Rusmadi Baharuddin & Anis Shahira Shamsuri. 2020. *Covid-19 dalam Corpus Pengistilahan Bahasa Melayu: Analisis Sosioterminologi*. GEMA Online Journal of language Studies Volume 20(3), August 2020 <http://doi.org/10.17576/gema.2020-2003-13>, Penerbit UKM

Mohd Shahremy Ikmal Shahbudin. 2020. *Kepanikan Pengguna Media Sosial Terhadap Virus Covid 19*. PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature, Jilid 11 Edisi Khas, 2020 / ISSN 1823-6812 (1-10)

*Panduan Pengajian Ijazah Sarjana Muda FPQS*, 2017, Penerbit USIM

Berita Harian, 7 September 2020

Berita Harian, 7 Julai 2020

Unit Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Model Pengajaran Kaedah*. Pustaka Salam Sdn Bhd

JAPIM (2004), Buku Panduan Dasar Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum j-QAF. Kuala Lumpur: KPM, h. 1.

<https://www.worldometers.info/coronavirus/> (diakses pada 30 September 2020).